

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-

- (a) apakah input yang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dapat daripada orang awam berhubung bantahan awam ke atas Deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 yang dipamerkan sebelum ini; dan
- (b) apakah pindaan deraf yang bakal dicadangkan untuk dimasukkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, Jawatankuasa Pendengaran Pandangan Awam (JKPPA) telah menjalankan pendengaran pandangan awam pada 23 Jun 2020 hingga 27 Julai 2020 untuk mendengar sejumlah 1,414 pandangan awam yang diterima melalui 488 borang pandangan awam yang dikemukakan.

Semua pandangan awam yang diterima dibahagikan kepada 2 kategori pengesyoran iaitu pandangan yang berkaitan Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) dan tidak berkaitan Draf PSKL2040.

Sejumlah 1,043 (74%) pandangan awam diterima adalah berkaitan dengan Draf PSKL2040. Manakala, sejumlah 371 pandangan awam yang tidak berkaitan dengan PSKL2040 akan diambil tindakan berasingan di bawah aspek pengurusan dan penguatkuasaan DBKL.

Jawapan (a)

Berikut adalah antara perkara/isu berkaitan Draf PSKL2040 yang kerap dibangkitkan melalui pandangan awam, antaranya berkaitan:

- 1) Tiada definisi jelas dalam mencapai sasaran nisbah tanah lapang dan penduduk 2040 iaitu seluas 20-meter persegi seorang. Perlu diperhalusi dalam konteks akta 267 berhubung maksud tanah lapang dan kaitan dengan maksud kawasan lapang dan kawasan hijau;
- 2) Pandangan berkaitan isu pewartaan Bukit Persekutuan sebagai rizab hutan bandar;
- 3) Pandangan berkaitan Bukit Dinding dijadikan taman awam dengan hierarki Taman Daerah;

NO SOALAN : 12

- 4) Pandangan berkaitan mengekalkan kawasan perkuburan Kwong Tong sebagai tapak warisan;
- 5) Pandangan berkenaan jajaran rel awam yang merentasi kawasan kediaman stabil untuk tidak membelah dua kawasan kejiranan sedia ada;
- 6) Pandangan berkaitan bentuk dan kandungan Draf PSKL2040 seperti berikut:
 - Penambahbaikan pernyataan dasar bagi semua Matlamat di dalam Draf PSKL2040 agar lebih mudah difahami; dan
 - Keperluan Draf PSKL2040 menyediakan unjuran penduduk siang hari (day population), unjuran luas lantai perdagangan, perumahan, perindustrian, kemudahan masyarakat, pelancongan dan pekerjaan.

Jawapan (b)

Datuk Bandar telah menimbang Lembaga Pendengaran Pandangan Awam (LPPA) dan bersetuju agar Draf PSKL2040 dibuat beberapa pindaan selaras dengan peruntukan seksyen 7(7), Akta 267 dengan mengambilkira cadangan penambahbaikan berdasarkan LPPA, pandangan daripada jabatan dalaman DBKL, Kementerian Wilayah Persekutuan dan lain-lain agensi kerajaan sebelum dikemukakan kepada YB Menteri.

Pindaan yang dibuat juga akan melibatkan keseluruhan kandungan mengikut bab dan matlamat di dalam Draf PSKL2040 seperti menyemak semula dan memperincikan pernyataan halatuju strategik dan tindakan bagi setiap matlamat, pembetulan kepada data-data dan maklumat bagi memastikan ketepatannya.

Sekian, terima kasih.

